

18 JAN 1999

Singapura-Malaysia

ISU KASTAM DAN IMIGRESEN MALAYSIA KE PARLIMEN SINGAPURA

SINGAPURA, 18 Jan (Bernama) -- Soalan mengenai kemudahan kastam dan imigresen Malaysia di Singapura akan dikemukakan di Parlimen yang mula bersidang Rabu ini apabila dua anggota Parlimen akan bertanya sama ada Malaysia telah mengemukakan alasan perundangan untuk mengekalkan kemudahannya di sini.

Mengikut kertas peraturan sesi Parlimen, seorang lagi anggota Parlimen akan bertanya Perdana Menteri Goh Chok Tong sama ada cadangan untuk mengkaji semula semua isu hubungan dua hala dengan Malaysia itu termasuk isu Pulau Batu Putih yang dikenali di sini sebagai Pedra Branca.

Kontroversi mengenai imigresen itu ialah antara beberapa isu hubungan dua hala Singapura-Malaysia yang belum diselesaikan.

Pegawai-pegawai imigresen Malaysia masih beroperasi dari stesen kereta api Tanjong Pagar selepas Singapura memindahkan kemudahan kastam, imigresen dan kuarantinnya dari stesen itu ke Pusat Pemeriksaan Woodlands 1 Ogos lepas.

Singapura telah menghantar nota diplomatiknya selepas Malaysia tidak mengemukakan alasan perundangan pada 15 Dis.

Pada 17 Dis, Goh dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bertemu semasa sidang kemuncak Asean di Hanoi, bersetuju untuk membincangkan kesemua isu yang masih tertangguh termasuk soal kastam dan imigresen secara pakej.

Bagaimanapun, kata Goh, Malaysia belum mengemukakan alasan perundangan dan Singapura mungkin melanjutkan tempoh tersebut sehingga pakej itu diselesaikan.

Kedua-dua negara sebelum ini memutuskan untuk merujuk perkara berhubung tuntutan bertindih terhadap Pulau Batu Putih itu kepada Mahkamah Antarabangsa.

-- BERNAMA

TCL ZB MAI